

# Bahaya Muzik Underground

Oleh SHAHRIL RIZAL

Youth -  
Juvenile  
Delinquency  
p = 17-19

**D**ENTITI seseorang secara umum amat mudah untuk dikenali menerusi gaya kehidupan, pakaian, cara pertuturan, dan muzik yang diminatinya. Muzik bukan sekadar irama dan alunan suara malah meliputi semua aspek kehidupan sama ada negatif ataupun positif. Ternyata muzik bukan sebagai hiburan sahaja tetapi juga satu perilaku atau tertib kehidupan.

Ramai yang berpendapat muzik mampu mengubat kekecewaan seseorang. Untuk mendapatkan kepuasan yang tersendiri, adakalanya manusia cuba untuk mencipta muzik dan lagu sendiri. Mereka digelar sebagai pemuzik *underground*. Mereka menghasilkan muzik bukan hanya untuk hiburan tetapi sebagai salah satu alternatif untuk mencurahkan dan melepaskan segala tekanan, perasaan marah, dan rasa tidak puas hati yang terpendam di hati mereka.

Majoriti pemuzik *underground* tidak menjadikan muzik sebagai sumber pendapatan. Mereka mempunyai kerjaya tersendiri. Muzik hanya menjadi alat untuk melepaskan geram. Sesetengahnya pula menyetepikan nilai-nilai seni yang terdapat dalam sesuatu jenis muzik.

Oleh itu kadangkala karya-karya mereka hanya difahami oleh mereka. Mereka tidak peduli sama ada orang lain memahami muzik dan lagu yang dinyanyikan oleh mereka. Mereka juga sering bereksperimen dengan menghasilkan muzik dan bunyi-bunyian yang pelik. Kepelbagaian dan gabungan beberapa jenis muzik walaupun nampak kreatif, sesetengah karya juga amat buruk hasilnya.

Namun, ada juga pemuzik *underground* yang serius dalam menghasilkan karya. Mereka mementingkan aspek berdikari dan persefahaman. Mereka mampu merakamkan lagu dengan biaya sendiri dan menjual karya mereka kepada rakan-rakan.

Mereka juga tidak glamor dan tidak popular seperti artis lain serta tidak mendapat publisiti daripada media massa. Tetapi atas usaha gigih mereka tetap mendapat tawaran untuk mengadakan persembahan atau merakamkan album bersama artis *underground* antarabangsa.

Sesetengah daripada mereka juga kini menjadi artis popular apabila syarikat rakaman mula menyedari akan potensi yang ada pada diri mereka. Dalam hal ini muzik yang pada mulanya hanya

menjadi hobi telah bertukar menjadi kerjaya sampingan.

Di Barat golongan *skinhead*, *punk*, dan pemuzik *black metal* merupakan antara golongan yang mengaitkan perilaku kehidupan dengan muzik. Setiap irama, lirik, dan mesej yang dihasilkan membawa maksud yang tersendiri. Karya-karya mereka selalunya mengajak pengikut agar melakukan sesuatu yang di luar batasan.

Muzik *Ska*, *Oi*, *Rocksteady*, dan *Street Rock* merupakan irama yang digemari oleh para remaja *skinhead*. *Skinhead* bukanlah salah satu cabang muzik, tetapi satu cara kehidupan.

Penampilan remaja *skinhead* ini amat mudah untuk dikenali menerusi imej diri mereka seperti memakai kemeja, berkepala botak, menunggang motor skuter, memakai seluar senteng, dan kasut but. Hal ini menunjukkan muzik yang diminati oleh mereka dapat mempengaruhi kehidupan mereka.

Namun, sesetengah golongan ini mula mempratikkan gejala negatif yang berasal dari Barat. Antara gejala negatif yang terkenal ialah apa yang mereka namakan sebagai *Malay Power* (kuasa Melayu).

Kuasa Melayu jika ditakrifkan secara umum membawa maksud ketuanan Melayu atau perihal politik orang Melayu. Namun kini muncul pula satu fahaman kuasa Melayu dalam kalangan generasi muda terutamanya remaja *skinhead*. Fahaman ini dikenali sebagai *Malay Power*.


Semua remaja *skinhead* di negara ini tahu apa itu *Malay Power*. Fahaman ini merupakan fahaman Nazi ketika di bawah pemerintahan Adolf Hitler. Golongan yang menggelarkan diri mereka sebagai *Malay Power* ini membawa masuk budaya nazi tersebut untuk diterapkan dan diamalkan sebagai gaya kehidupan.

Antara kumpulan *Malay Power* yang terkenal di negara ini terutamanya di Kuala Lumpur ialah kumpulan Nazi Sogo dan KL Troopers. Kumpulan seperti ini pula menafikan bahawa mereka mengagungkan Adolf Hitler, tetapi menyerapkan semangat Nazi melalui lambang *Swastika* yang melekat di jaket mereka.

Tidak diketahui apakah mulianya fahaman Nazi sehingga mereka sanggup menjadikannya sebagai satu pegangan dan amalan. Mereka perlu menyedari bahawa sifat perkauman sama sekali tidak sesuai di negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia.

Cukuplah apa yang terjadi pada peristiwa 13 Mei dan Kampung Medan. Mahukah kita melihat negara ini menjadi huru-hara hanya disebabkan oleh muzik? Adakah mereka sedar bahawa fahaman Nazi sememangnya membenci bangsa Asia? Hitler pernah menyatakan bahawa bangsa lain selain daripada bangsa orang putih adalah lebih rendah tarafnya.

Mereka menggunakan fahaman ini dengan alasan sayangkan bangsa Melayu. Malangnya, alasan ini hanya satu helah kepada tindakan samseng mereka. Mereka menggunakan muzik sebagai landasan untuk menarik seberapa ramai pengikut. Apabila mempunyai bilangan pengikut yang banyak, mereka mula melakukan kegiatan jenayah. Jenayah seperti pergaduhan dan peras ugut seolah-olah sudah sebatian dengan mereka. Apa yang dikesalkan ialah sikap mereka menunjukkan lagak samseng terhadap bangsa Melayu sendiri.



Antara filem yang mempengaruhi muzik *underground* tempatan.

Meskipun mereka menjadikan “perpaduan” sebagai moto, namun mereka melanggar undang-undang. Jika benar mereka mengagungkan bangsa Melayu, kenapa mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Mereka menjadikan premis hiburan milik bukan Melayu sebagai tempat melepak dan berhibur.

Remaja yang terlibat dengan kegiatan ini mungkin terpengaruh dengan filem-filem Barat yang memaparkan keganasan golongan Nazi *skinhead*. Filem seperti *Romper Stomper*, *American History X*, *Pariah*, dan *Gangs Boy* secara nyata memaparkan gaya hidup, semangat perkauman, dan membunuh kaum yang lain.

Bukan semua remaja *skinhead* yang mengamalkan semangat Nazi dalam kehidupan mereka. Sesetengah remaja *skinhead* hanya menggemari muzik tanpa terikat-ikat dengan cara kehidupan remaja *skinhead* di luar negara.

Walaupun pemuzik *skinhead* di negara ini memaparkan nilai-nilai positif dalam setiap karya mereka, para peminat mereka tidak pula menghayatinya. Kemunculan *Malay Power* harus dikawal demi kepentingan masyarakat berbilang kaum.

Selain sesetengah remaja *skinhead* yang terkenal dengan fahaman Nazi, kini muncul pula remaja *punk*. Jika remaja

*skinhead* berkepala botak, remaja *punk* pula dikenali dengan rambut “ala trojan

Kewujudan muzik *punk* bermula pada pertengahan tahun 1970-an di Britian dan Amerika. Muzik *punk* terbahagi kepada tujuh pecahan iaitu *Punk Rock*, *Punk Nazi*, *Ska Punk*, *Traditional Punk*, *Punk Rules*, dan *Peace Punk*.

Golongan *punk* terutamanya di luar negara sememangnya terkenal dengan sikap antipolitik. Mereka mahukan kebebasan sepenuhnya tanpa ada sebarang disiplin dan peraturan dalam hidup mereka.

Ketika menghadiri konsert atau persembahan, mereka akan melakukan tarian *pongo*, dengan menolak dan menendang-nendang rakan mereka sendiri. Mereka juga akan meludah sesama mereka sebagai ikatan simbol persahabatan antara sesama mereka.

Sesetengah pemuzik *punk* pula akan melakukan persembahan yang melampaui batas ketika beraksi di pentas. Adakalanya mereka akan muntah ke arah penonton, membuang air di atas pentas menunjukkan kemaluan, mencarut memaki hamun, dan tidak kurang juga yang menoreh tubuh mereka dengan pisau cukur bagi melambangkan keganasan dalam hidup mereka.

Lagu-lagu yang disampaikan pula menjurus ke arah sifat negatif akibat perasaan dendam terhadap kekecewaan yang pernah melanda hidup mereka.

Dari segi penampilan imej, remaja *punk* suka mengenakan fesyen rambut “alarojan” yang diwarnakan, jaket kulit yang ditampal dengan pelbagai lencana, seluar yang koyak dan senteng. Mereka juga memakai kasut but lusuh yang selalunya mempunyai 20 lubang kecil yang membawa maksud keganasan dalam hidup mereka. Mereka juga memakai rantai leher yang digelar *bollocks* kerana menggunakan loket ibu kunci atau mangga.

Muzik *punk* mula hadir di negara ini pada awal tahun 1990-an. Para pemuzik *punk* yang ada pula hanya menerima muzik sebagai satu hiburan sahaja tanpa terikat-ikat perilaku negatif remaja Barat. Penampilan mereka juga sama seperti pemuzik lain tanpa mengenakan fesyen rambut “alarojan”.

Namun begitu, beberapa akhbar tab-



Penampilan kumpulan muzik *underground* bertentangan dengan nilai ketimuran.

loid di negara ini pernah melaporkan bahawa sesetengah remaja *punk* suka melakukan hubungan seks bebas dan meminum arak. Laporan itu juga menyebutkan bahawa remaja-remaja ini terpengaruh dengan budaya *punk* luar negara.

*Black Metal* merupakan satu lagi irama muzik yang dikaitkan dengan perilaku negatif para pemuzik dan peminatnya. Muzik *Metal* mempunyai ratusan cabang antaranya *Heavy Metal*, *Trash Metal*, *Speed Metal*, dan sebagainya. Manakala konsep muzik yang seakan-akan sama dengan *Black Metal* ialah *Death Metal*, *Dark Metal*, *Gothic Metal*, *Satanic Metal*, dan *Hell Metal*.

Muzik *Black Metal* yang berasal dari Eropah Timur sememangnya menekankan konsep antiagama, antikristian, antimasyarakat, antikerajaan, dan sebagainya.

Dalam konsep antikristian, mereka mempunyai falsafah yang unik. Mereka menganggap jika agama tersebut (kristian) tidak mampu membawa

pengikutnya ke arah kehidupan yang sempurna, baik sahaja agama tersebut ditinggalkan dan dimusuhi. Oleh sebab itu, kebanyakan pengikutnya memakai kalung lambang salib yang terbalik sebagai tanda penolakan terhadap agama itu.

Selain itu, para pemuzik dan pengikutnya juga mengamalkan pemujaan syaitan, dadah, arak, dan seks bebas. Mereka juga melakukan jenayah yang berat seperti pembunuhan. Mangsa pembunuhan mereka biasanya golongan *gay* kerana para pengikut *Black Metal* memang bencikan golongan *gay*.

Dalam kes pemujaan syaitan, mereka menganggap syaitan sebagai utusan dari Tuhan yang mampu menyampaikan permintaan dan hajat mereka.

Berbalik pada muzik *metal* tempatan, mereka lebih tahu nilai ketimuran yang perlu didukung. Walaupun mereka memainkan irama muzik yang berat, bingitan bising bunyi gitar, serta alunan suara yang garau, tetapi lirik dan mesej yang ingin disampaikan menjurus ke

arah kebaikan.

Kebanyakan karya *metal* tempatan menekankan mesej perpaduan, masalah sosial, kecintaan sesama manusia dan Tuhan, pencemaran, dan sebagainya. Manakala irama *Black Metal* tempatan pula lebih mengetengahkan mesej masalah khurafat, alam mistik Melayu, kisah hikayat, kisah dongeng, dan alam perubatan tradisional.

Justeru, terdapat perbezaan ketara antara pemuzik *Black Metal* luar negara dengan tempatan. Pemuzik tempatan hanya mengambil irama sebelum disesuaikan dengan budaya, nilai, adat, dan adab yang ada di negara ini.

Kebiasaannya perilaku negatif seseorang dikaitkan dengan muzik yang didengari. Sering kali keterdengaran bahawa muzik membawa keburukan. Dalam hal ini, kebenarannya boleh dilihat melalui kelakuan masyarakat Barat. Muzik bukannya seni semata-mata, tetapi telah menjadi alat untuk mereka membina tatacara kehidupan yang negatif. **db**